

LANG BAZA BERJAMBUL
Black Baza

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Aviceda leuphotes*



CIRI-CIRI

Bagi burung dewasa, ia bersaiz kecil dengan kepala berwarna hitam dan terdapat jambul menegak yang panjang. Bahagian atas badan berwarna kehitaman, kombinasi warna putih dan coklat buah berangan pada sayap. Di bahagian bawah badan berwarna putih dengan jalur-jalur hitam melintang bahagian dada. Terdapat jalur-jalur coklat buah berangan di bahagian perut manakala bahagian bawah tongkeng berwarna hitam.

SAIZ

Panjang keseluruhan badannya ialah 30-35 sm.

MAKANAN

Haiwan-haiwan kecil.

HABITAT

Kawasan pinggir hutan, hutan paya air tawar, kawasan pertanian, kawasan terbuka dan kawasan persisiran pantai sehingga ke ketinggian 1,500 m dari aras laut.

BUNYI

Menghasilkan bunyi *chi-aah*, *tc'aah*, *tc'hieuuah* atau *tcheeouu* yang bernada tinggi.

TABIAT

Berhijrah dalam kumpulan-kumpulan yang besar sehingga beribu ekor. Di Semenanjung Malaysia sebahagiannya merupakan spesies vagrant yang hanya singgah sementara dalam perjalanan ke Selatan (Sumatera). Berehat dan mencari makan di waktu awal pagi dan menggunakan *thermal heat* ketika panas untuk terbang berhijrah. Pernah dilihat mengelak daripada terkena hujan ketika berhijrah. Menggunakan laluan Tanjung Tuan, Melaka untuk menyeberangi Selat Melaka.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan dari bulan Februari-Mei setiap tahun. Sarangnya bersaiz besar dan dibina di atas pokok. Ketinggian sarang adalah dari 18-21 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 2-3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur. Warna telur adalah putih kekelabuan dengan anggaran saiz 37.3x31 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.